

16 JUL 1997

Agong-Tahniah

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA SADDAM HUSSEIN

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengirinkan perutusan tahniah kepada Presiden Iraq Saddam Hussein sempena sambutan Hari Kebangsaan negara itu kali ke-29.

Dalam perutusan itu yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini, Yang di-Pertuan Agong melahirkan harapan agar hubungan persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua negara akan dipertingkatkan lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga mengirinkan ucapan yang serupa kepada Presiden Saddam dengan harapan rakyat Iraq akan menikmati kesejahteraan yang berlipat ganda pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Muhammad Saeed As-Sahaf melahirkan keinginan Malaysia untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama kedua-dua negara. -- BERNAMA

HAK NN NMO